

Cari kelemahan jika mahu atasi masalah

UM 15 DEC 2001

PUTRAJAYA 14 Dis. — Negara-negara Islam tidak akan mencapai matlamat masing-masing sampai bila-bila melainkan jika mereka mencari punca kelemahan dan berkeinginan untuk mengatasi masalah yang dihadapi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sungguh malang sekali kerana ada sesetengah negara Islam lebih cenderung memusnahkan negara Islam yang lain.

Negara-negara Islam itu, kata beliau, bukan sahaja lemah malah berpecah-belah.

“Mereka tidak mampu bersatu biarpun hanya untuk mempertahankan Palestin,” kata beliau ketika berucap kepada para duta negara Islam yang menghadiri majlis dialog dan berbuka puasa di Wisma Putra hari ini.

Majlis tahunan anjuran Kementerian Luar itu diadakan buat kali keenam dan pertama kalinya berlangsung di Wisma Putra serta dibuka untuk liputan media.

Turut hadir ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Menyentuh kelemahan

negara-negara Islam Dr. Mahathir berkata, ia berpunca daripada pendirian para pemimpinnya sendiri yang memberi lebih tumpuan kepada pendidikan agama mengatasi pel-

bagai bentuk pengajian dalam bidang lain.

Kefahaman mereka yang tidak mendalam kandungan al-Quran dan hadis juga menjadi sebab mengapa perkara-per-

kara kecil turut diperdebatkan lalu mengakibatkan umat Islam ketinggalan.

“Saya sendiri semasa kecil diberitahu bahawa adalah haram untuk

menggunakan kuasa elektrik di dalam masjid kerana ia dihasilkan oleh mesin sebaliknya hanya lilin boleh digunakan,” kata Dr. Mahathir.